

PERATURAN PERTANDINGAN CATUR (PERSEORANGAN)

1. Undang-undang Permainan

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) dan Peraturan AM USSC.

2. Pendaftaran Pemain

- 2.1 Kelayakan pemain seperti di peraturan Am USSC para 5.1
- 2.2 Perubahan akhir nama pemain hendaklah mematuhi peraturan Am USSC para 5.6
- 2.3 Jumlah pemain boleh didaftarkan di dalam kejohanan ialah seramai 2 orang seperti berikut:
- 2.3.1 Pemain Lelaki-1
 - 2.3.2 Pemain Wanita-1
- 2.4 Pendaftaran Kategori Individu ialah seperti berikut:
- 2.4.1 Perseorangan Lelaki
 - 2.4.2 Perseorangan Wanita
- 2.5 Hanya pemain yang telah didaftarkan sahaja dibenarkan bermain dipertandingan ini.
- 2.6 Semua perlawanan akan bermula pada masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola. Setiap pemain mestilah berada di lokasi pertandingan 15 minit sebelum perlawanan bermula. Jika masih gagal hadir selepas 15 minit perlawanan bermula, pemain berkenaan dianggap kalah dan memberi kemenangan percuma kepada pemain lawannya serta mematuhi kriteria peraturan Am USSC para 10.
- 2.7 Pemain yang mendapat kemenangan percuma akan memperolehi satu (1) mata.
- 2.8 Pemain yang tidak didaftarkan akan dibatalkan penyertaannya dalam kejohanan ini.

3. Pertukaran Pemain.

- 3.1 Tiada pertukaran pemain dibenarkan setelah Borang Pendaftaran diserahkan.

4. Sistem Pertandingan

- 4.1 Pertandingan adalah dijalankan secara Sistem Swiss, Pairing Sistem Lima (5) Pusingan.
- 4.2 Tempoh Permainan ialah seperti berikut:
- 4.2.1 Masa permainan adalah 45 minit dan 30 saat tambahan bagi setiap pergerakan untuk setiap pemain. Pertandingan akan dikendalikan secara 'Standard FIDE Rated'.
- 4.3 **Kawalan Masa**, Kawalan masa untuk setiap permainan dibuat dengan menggunakan jam catur.

5 Penentuan Kedudukan Pemain

- 5.1 Setiap pemain akan diberikan mata seperti berikut:
 - 5.1.1 Menang – 1 mata
 - 5.1.2 Seri – ½ mata
 - 5.1.3 Kalah – 0 mata
- 5.2 Jumlah mata yang dikumpul oleh pemain akan menjadi pemutus kepada kedudukan pemain bagi setiap pusingan.
- 5.3 Penentuan tempat Ke-4, Ketiga, Naib Johan dan Johan berdasarkan kedudukan mata yang terkumpul oleh pemain selepas tamat pusingan ke 5.
- 5.4 Sekiranya terdapat pemain yang berkongsi mata yang sama selepas pusingan terakhir, sistem pemutus-seri (tie-break) berikut akan digunakan:
 - 5.4.1 Buchholz
 - 5.4.2 Sonneborn-Berger
 - 5.4.3 Cumulative

6. Pakaian

- 6.1 Pemain hendaklah berpakaian kemas dan tidak menjolok mata. (**SELIPAR TIDAK DIBENARKAN**).
- 6.2 Setiap pemain dilarang membawa atau menggunakan peralatan yang boleh mengganggu seperti alatan elektronik dan telefon bimbit.

7. Lain-lain Perkara Berkaitan

- 7.1 Setiap pemain perlu berpakaian sesuai.
- 7.2 Segala keputusan pengadil perlawanan adalah **MUKTAMAD**.